

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

**SOALAN :** Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada golongan petani menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) bagi mereka membayar semula hutang mereka supaya pengeluar tidak bergantung kepada orang tengah.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

TEKUN Nasional merupakan agensi pembiayaan mikro yang memberi bantuan kewangan kepada peniaga mikro dan kecil. Perniagaan utama yang dibiaya adalah sektor peruncitan dan perdagangan, perkhidmatan, pertanian dan industri asas tani, pembuatan dan kontraktor kecil.

TEKUN Nasional juga telah menyediakan peruntukan khas bagi Program Jihad Memerangi Orang Tengah (JMOT) yang dilancarkan oleh Menteri Pertanian & Industri Asas Tani dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 40 juta. Peruntukan tersebut adalah khusus untuk membantu golongan

nelayan, pesawah, petani sayur-sayuran dan buah-buahan dari cengkaman orang tengah yang selama ini menindas golongan tersebut. Sehingga 31 Mac 2015, TEKUN telah menyalurkan pinjaman sebanyak RM15.36 juta kepada 2,420 orang di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8,667,500 telah disalurkan kepada 1,394 petani.

Berikut adalah maklumat pinjaman TEKUN di bawah Jihad Memerangi Orang Tengah (mengikut program) sehingga 31 Mac 2015:

BIL	NAMA PROGRAM	TAHUN 2014		TAHUN 2015		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL	(RM)	BIL	(RM)	BIL	(RM)
1	NELAYAN	726	4,881,500	300	1,810,500	1,026	6,692,000
2	TANAMAN - SAYUR	296	1,707,000	72	431,500	368	2,138,500
3	TANAMAN - BUAH	225	1,611,000	29	143,000	254	1,754,000
4	PERUNCIT - SAYUR	525	3,011,500	39	175,500	564	3,187,000
4	PERUNCIT - BUAH	185	1,483,000	23	105,000	208	1,588,000
<b>JUMLAH</b>		<b>1957</b>	<b>12,694,000</b>	<b>463</b>	<b>1,896,000</b>	<b>2420</b>	<b>15,359,500</b>